

**TEKS UCAPAN**  
**YBHG. DATO' SRI LATIFAH BINTI HAJI MOHD TAHAR**  
**KETUA PENDAFTAR**  
**MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

**DI**  
**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN PKPMP**  
**BULAN JULAI TAHUN 2018**

**10 JULAI 2018 (RABU)**  
**DEWAN BANQUET**

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

## **SALUTASI**

Terima kasih kepada Pengacara Majlis dan pembaca doa yang telah memimpin bacaan doa pada pagi ini.

YBhg. Datuk Aslam bin Zainuddin,  
Timbalan Ketua Pendaftar (Polisi);

YBhg. Dato' Norsharidah binti Awang,  
Pendaftar Mahkamah Rayuan;

YBrs. Puan Sabariah binti Othman,  
Timbalan Ketua Pendaftar (Operasi);

YBrs. Puan Hasbi binti Hasan,  
Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya;

YBrs. Tuan M Bakri bin Abd Majid,  
Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya;

YBrs. Encik Zamri bin Misman,  
Pengarah Bahagian Pengurusan;

Pengarah-Pengarah Bahagian Istana Kehakiman;

Pegawai-Pegawai Kehakiman dan Kakitangan seterusnya warga PKPMP yang saya kasihi sekalian.

## **PENDAHULUAN**

1. Syukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin serta limpah kurnia Nya, dapat kita bersama-sama hadir ke Majlis Perhimpunan Bulanan PKPMP bagi bulan Julai 2018 pada pagi ini.
2. Semua sedia maklum bahawa Bulan Syawal masih berbaki dan untuk itu, izinkan saya untuk mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Hari Raya Aildilfitri, maaf zahir dan batin.

**YBhg. Datuk, Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

**AMANAT YAB PERDANA MENTERI, TUN DR. MAHATHIR  
BIN MOHAMAD**

3. Pertamanya saya ingin berkongsi mengenai amanat yang telah disampaikan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr.

Mahathir bin Mohamad semasa Majlis Perhimpunan Jabatan Perdana Menteri bagi bulan Julai 2018 pada 9 Julai 2018 yang lalu.

4. Antara perkara yang penting untuk diambil perhatian adalah sebagaimana berikut:

- a) Semua penjawat awam hendaklah memiliki keikhlasan dalam menjalankan tugas bagi membolehkan pembangunan negara tercapai;
- b) Kuasa bukan untuk perkayakan diri, keluarga atau sahabat handai tetapi kuasa yang diberikan mempunyai matlamat yang khusus untuk menjayakan negara;
- c) Semua penjawat awam hendaklah bekerja dengan ikhlas dan tidak boleh menipu hanya semata-mata mahu matlamat peribadi tercapai; dan
- d) Perlu ada nilai hidup yang mulia iaitu kerajinan, keikhlasan, beramanah dan berdisiplin semasa menjalankan tugas-tugas yang telah diberikan.

5. Secara keseluruhan YAB Perdana Menteri mahu penjawat awam mengamalkan nilai murni bagi kejayaan

negara dan tidak menyalahguna kuasa serta amanah yang diberikan. YAB Perdana Menteri juga menekankan bahawa matlamat negara maju akan tercapai dengan usaha yang bersungguh dan bukan hanya berdoa semata-mata, tetapi disusuli dengan tindakan dan usaha supaya cita-cita untuk mencapai matlamat negara maju akan dapat direalisasikan.

7. Selaku anggota perkhidmatan awam, kita perlu menumpukan seluruh usaha dan tenaga ke arah penyampaian perkhidmatan yang efektif, efisien, berkualiti, mendahului serta mementingkan pelanggan dan *stakeholder* bagi memastikan kejayaan matlamat kerajaan.
8. Perkhidmatan awam yang sentiasa dekat dengan rakyat hendaklah dilihat sebagai satu perkhidmatan yang sentiasa bersih dan menjadikan integriti sebagai teras utama pada diri setiap penjawat awam.
9. Oleh itu, budaya kerja yang menggabungkan nilai integriti serta keutuhan peribadi yang tinggi merangkumi sikap disiplin dan bertanggungjawab harusnya menjadi jati diri setiap penjawat awam agar tugas yang diberikan dapat dilaksanakan dengan jujur dan telus.

**YBhg. Datuk, Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

## **AMANAT YAA KETUA HAKIM NEGARA DAN KETUA PENDAFTAR SEMASA MAJLIS APC 2017**

10. PKPMP baharu sahaja selesai mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017 pada 7 Julai 2018 yang lalu. Majlis tersebut telah diadakan dengan baik. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada semua yang terlibat menjayakan majlis tersebut.
11. Semasa majlis tersebut, YAA Ketua Hakim Negara di dalam ucapannya menyeru agar semua warga PKPMP berganding bahu dan berusaha untuk mengekalkan kecemerlangan Badan Kehakiman Malaysia. YAA Ketua Hakim Negara juga berharap agar semua pegawai dan kakitangan Badan Kehakiman akan menjadikan kecemerlangan sebagai satu budaya kerja.
12. Sebagaimana yang telah saya sebutkan dalam ucapan saya pada majlis tersebut juga, pemberian anugerah perkhidmatan cemerlang bukan hanya sebagai pengiktirafan kepada pegawai dan kakitangan yang telah menunjukkan prestasi kerja cemerlang semata-mata, bahkan, dalam skop yang lebih luas, anugerah ini adalah merupakan pemangkin

dan penggerak kepada perubahan positif dalam membudayakan kecemerlangan di dalam organisasi.

13. Ini bermakna kita tidak boleh terus dibuai leka atas kecemerlangan masa lalu. Tidak boleh berpuashati dan mendabik dada dengan pencapaian yang telah dicapai. Mungkin pada masa itu pencapaian dan perkhidmatan kita cukup untuk kepuasan pelanggan kita. Namun, masa kian berubah. Kehendak dan ekspektasi *stakeholders* sering meningkat yang mengkehendaki kita berkhidmat dengan lebih berkesan dan memperkenalkan perkhidmatan yang jauh lebih efisyen.

14. Justeru, masih terdapat banyak ruang penambah baikan yang boleh kita ambil bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan Badan Kehakiman. Saya berharap agar YBhg. Datuk, Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian dapat bekerjasama dengan saya dan semua pengurusan tertinggi PKPMP dalam melaksanakan setiap program dan inisiatif yang telah dan akan dirancang kearah Badan Kehakiman yang lebih cemerlang.

**YBhg. Datuk, Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

## **PENUTUP**

15. Saya tidak berhasrat untuk berucap panjang pada pagi ini. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menguruskan segala persiapan untuk Majlis Perhimpunan Bulanan PKPMP kali ini. Terima kasih juga kepada semua warga PKPMP yang sama-sama hadir di majlis pada pagi ini.

Sekian. Wabillahi taufiq walhidayah, Wassalamualaikum, Warahmatullahi, wabarakatuh.